

## **Ujian kepantasan 5G diperluas di lima negeri lain**

**Astro Awani**

**29 Julai 2019**

**Fareez Azman,**

CYBERJAYA: Ujian kepantasan Teknologi Generasi Kelima (5G) akan dikembangkan di lima negeri iaitu Kedah, Perak, Terengganu, Selangor dan Wilayah Persekutuan dalam masa terdekat.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo berkata, ujian kepantasan itu dilakukan ekoran permintaan tinggi diterima dari negeri-negeri terbabit agar ujian kepantasan teknologi 5G dijalankan selepas Cyberjaya dan Putrajaya.

“Selepas bermula pasukan petugas khas, Pengerusi SKMM (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia) telah berjumpa Menteri Besar dan Exco kerajaan di lima negeri tersebut. Mereka berbincang tentang perkara ini dan apabila kita buat pasukan petugas khas banyak pertanyaan dari syarikat negeri tertentu.

“Permintaan tinggi dari semua lokasi seluruh Malaysia (tetapi) kita fokus lima negeri itu sebagai permulaan. Ini tidak bermakna kita berhenti di situ. Kita kembang kepada lima negeri mengikut keadaan serta tuntutan,” katanya dalam sidang media selepas majlis penyerahan laporan pasukan petugas khas 5G negara di Ibu Pejabat SKMM, di sini pada isnin.

Bagaimanapun, jelas beliau, pelbagai aspek akan dinilai termasuk keselamatan, infrastruktur baharu dan menaik taraf infrastruktur sedia ada.

Antara yang dikenal pasti, kata beliau, ialah masalah dalam pelbagai sektor industri jika teknologi itu diperkenal.

Sehingga kini, Pasukan Petugas Khas telah mengenal pasti 66 kes untuk di nilai.

“Dari segi boleh atau tidak, boleh memang kita akan laksanakan teknologi 5G. Tetapi kita kena lihat beberapa aspek dalam perhatian kita.

“Empat tajuk yang saya sebutkan umpama perundangan, keselamatan dan sebagainya. Kalau kita gunakan 5G apakah masalah yang timbul dan bagaimana kita nak selesaikan,” jelas Gobind lagi

**© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.**

**(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ujian-kepantasan-5g-diperluas-di-lima-negeri-lain-213691>